

# FAQ BAHAGIAN PEMBAHAGIAN PUSAKA DALAM TEMPOR PKP 3.0 TOTAL LOCKDOWN

**1. Bagaimana cara untuk membuat Permohonan Pembahagian Pusaka Kecil dalam tempoh PKP 3.0 Total Lockdown?**

*Permohonan Pembahagian Pusaka Kecil hendaklah dibuat secara dalam talian (online) dengan melayari portal [www.jkptg.gov.my](http://www.jkptg.gov.my) dan sila klik kepada JKPTG Online pada capaian Orang Awam dan pilih Permohonan Pembahagian Pusaka Kecil.*

**2. Adakah Borang Permohonan (Borang A atau Borang P) dan dokumen sokongan perlu dihantar ke Unit Pembahagian Pusaka?**

*YA, Borang Permohonan dan dokumen sokongan perlu dihantar ke Unit Pembahagian Pusaka yang berkenaan melalui perkhidmatan Poslaju atau Kurier sahaja dan tiada urusan bersemuka secara fizikal dibenarkan sepanjang tempoh PKP 3.0 Total Lockdown berlangsung.*

**3. Adakah kaunter pejabat Unit Pembahagian Pusaka dibuka sepanjang tempoh PKP 3.0 Total Lockdown ini?**

*Semua kaunter di Unit Pembahagian Pusaka adalah ditutup sepanjang tempoh PKP 3.0 Total Lock down berkuatkuasa.*

**4. Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi Unit Pembahagian Pusaka?**

*Unit Pembahagian Pusaka boleh dihubungi melalui e-mel (sila rujuk alamat e-mel UPP yang berkenaan pada Tab Panduan Pembahagian Harta Pusaka pada laman portal [www.jkptg.gov.my](http://www.jkptg.gov.my)) atau hubungi Pusat Pertanyaan Pusaka di talian 03-8871 2950 atau 03-8871 2951 (Talian Sementara).*

**5. Adakah Perbicaraan Pembahagian Pusaka Kecil akan dijalankan sepanjang tempoh PKP 3.0 Total Lockdown?**

*Semua perbicaraan pembahagian harta pusaka kecil yang telah ditetapkan dalam tempoh Total Lockdown adalah ditangguhkan. Tiada sebarang Perbicaraan Pembahagian Harta Pusaka Kecil akan dijalankan sepanjang tempoh PKP Total Lockdown berlangsung.*

**6. Adakah Perbicaraan Pembahagian Pusaka Kecil boleh dibuat secara dalam talian dengan menggunakan medium seperti Zoom Meeting dan Google Meet?**

*TIDAK, Perbicaraan Pembahagian Harta Pusaka Kecil hanya boleh diadakan secara bersemuka (fizikal) sahaja kerana kekangan perundangan dan punca kuasa sedia ada. Walaubagaimanapun kaedah perbicaraan secara dalam talian ini sedang diperhalusi di peringkat pengurusan dan perundangan JKPTG.*

**7. Berapa lamakah tempoh penyelesaian pembahagian harta pusaka kecil?**

*Tempoh penyelesaian Pembahagian Harta Pusaka Kecil adalah 4 bulan bagi kes-kes yang tidak bermasalah. Walaubagaimanapun memandangkan keadaan pandemik Covid-19 yang sedang melanda negara termasuk arahan dan dasar Kerajaan yang sedang berkuatkuasa, tempoh sesuatu penyelesaian kes harta pusaka kecil akan mengambil masa yang agak lama daripada biasa disebabkan tunggakan kes sedia ada yang kian meningkat.*

**8. Bagaimanakah cara untuk saya meminda atau mengemaskini kesilapan maklumat permohonan dalam talian yang telah dihantar?**

*Permohonan yang telah disahkan dan dihantar secara dalam talian tidak boleh dipinda dan dikemaskini. Sekiranya kesilapan maklumat tersebut adalah satu kesilapan minor, tuan/puan boleh memotong / menambah maklumat berkaitan dan ditandatangani ringkas oleh pemohon / pempetisyen dan juga Pesuruhjaya Sumpah. Pemakluman secara rasmi berkenaan pindaan maklumat tersebut hendaklah disertakan semasa penghantaran permohonan beserta dokumen sokongan ke Unit Pembahagian Pusaka yang berkaitan.*

*Sekiranya kesilapan maklumat tersebut adalah major seperti ketinggalan maklumat harta / waris simati, pihak tuan/puan dinasihatkan untuk memohon pembatalan permohonan dalam talian tersebut melalui e-mel [myetappsupport@jkptg.gov.my](mailto:myetappsupport@jkptg.gov.my) dengan menyertakan nama dan nombor kad pengenalan simati dan pemohon, nombor rujukan permohonan dalam talian dan nyatakan juga sebab-sebab / asas pembatalan tersebut untuk tindakan pihak ICT JKPTG selanjutnya. Setelah permohonan dibatalkan, tuan/puan hendaklah membuat pengisian maklumat dan permohonan dalam talian semula.*